

130

SOALAN NO: 150

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]
TARIKH : -
SOALAN : 150**

Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan masalah kesihatan yang kronik pada masa kini yang semakin meningkat dan tidak terkecuali di kawasan luar bandar. Adakah fasiliti di setiap hospital-hospital di kawasan luar bandar setaraf dengan kawasan di bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital-hospital KKM dikategorikan sebagai hospital negeri, hospital berpakar dan hospital tanpa pakar, maka setiap fasiliti ini berbeza di antara satu sama lain.

Hospital tanpa pakar terletak di bandar-bandar kecil dengan akses jalan raya yang agak baik bagi membolehkan rujukan pesakit di antara hospital dilakukan sama ada bagi *step up care* ataupun *step down care*. Hospital ini tidak dikategorikan sebagai fasiliti luar bandar disebabkan

kedudukannya yang dikelilingi dengan pelbagai kemudahan awam lain seperti sekolah, pusat komersial, bank, bomba dan keselamatan awam.

Hospital tanpa pakar berupaya untuk memberi perkhidmatan perubatan asas seperti perkhidmatan pesakit luar, pesakit dalam, perubatan kecemasan, kebidanan, hemodialisis, rehabilitasi, radiologi, makmal patologi dan farmasi yang disediakan oleh pelbagai anggota kesihatan seperti pegawai perubatan, pegawai farmasi, jururawat, penolong pegawai perubatan dan ahli sains kesihatan bersekutu.

Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dengan menaik taraf dan memperbaiki fasiliti-fasiliti hospital tanpa pakar secara berfasa. Satu lagi usaha yang sedang giat dijalankan oleh kerajaan ialah dengan mewujudkan inisiatif hospital kluster bagi meningkatkan aksesibiliti dan ekuiti terhadap perkhidmatan kepakaran kepada semua rakyat walau di mana mereka berada.

SOALAN (151)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR IZANI BIN HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]

SOALAN :

YB DR IZANI BIN HUSIN [PANGKALAN CHEPA] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan berlakunya fenomena gelembung perumahan (housing bubble) dalam pasaran hartanah Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengelakkan fenomena gelembung perumahan (*housing bubble*) yang disebabkan oleh peningkatan harga rumah dan spekulasi hartanah, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;
- b) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM1 juta seunit;
- c) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah dan termasuk semua manfaat/insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;

- d) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan memanipulasi pembeli rumah;
- e) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat;
- f) Mengeluarkan panduan mengenai *Loan To Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja. Selebihnya perlu ditanggung sendiri;
- g) Melaksanakan pengecualian cukai ke atas pendapatan sewaan rumah kediaman sebanyak 50% bagi pendapatan sewa sehingga RM2,000.00 sebulan kepada individu rakyat Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Pengecualian ini akan diberi bermula dari tahun taksiran 2018 hingga 2020; dan

- h) Pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindahmilik akan diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai berkuatkuasa 1 Januari sehingga 31 Disember 2018.

Selain itu, Kerajaan dalam usaha mendorong penurunan harga pasaran rumah, telah melaksanakan pelbagai langkah di bawah Program Rumah Mampu Milik (RMM) seperti berikut:

- a) Menetapkan harga siling bagi jualan RMM kepada RM300,000.00 seunit sebagai panduan kepada pembeli dan semua pihak yang terlibat dalam sektor perumahan negara.
- b) Meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran melalui penyediaan perumahan awam dalam Program 1 Juta RMM menjelang tahun 2018. Langkah ini dapat memberi lebih banyak pilihan kepada pembeli untuk mencari rumah yang bersesuaian dengan tahap kemampuan masing-masing selain daripada rumah yang disediakan oleh pihak pemaju swasta.

- c) Memperkenalkan pelbagai skim pembiayaan bagi memudahkan pemilikan rumah, khususnya RMM, seperti Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (*MyDeposit*), *MyHome*, Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Perumahan Belia (SPB) dan lain-lain lagi.
- d) Memperkenalkan skim *step-up financing* di bawah PR1MA, yang dipanjangkan kepada pemaju perumahan swasta, berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018